

PM kecewa sikap Dong Jiao Zhong

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin 7 Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kecewa dengan bantahan Dong Jiao Zhong terhadap konsep Sekolah Wawasan berkata, generasi muda pelbagai kaum di negara ini perlu didedahkan kepada semangat perkongsian bagi menyuburkan kehidupan yang harmoni.

Perdana Menteri berkata, ini kerana keadaan di Malaysia dengan rakyatnya pelbagai kaum tidak sama seperti negara lain, termasuk China.

"Jika anda (wartawan) mahu saya katakan itu (rasa kecewa), saya akan katakan... saya kecewa," katanya selepas merasmikan persidangan Majlis Telekomunikasi Komanwel ke-40, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas bantahan Dong Jiao Zhong iaitu kumpulan yang mewakili lembaga sekolah dan persatuan guru sekolah Cina di negara ini terhadap konsep Sekolah Wawasan.

Melalui konsep itu, tiga sekolah berlainan aliran akan ditempatkan dalam satu kawasan dan menggunakan kemudahan asas seperti padang permainan, dewan perhimpunan dan kantin yang sama.

Konsep sedemikian sebenarnya sudah lama diamalkan di beberapa sekolah di Pahang dan Johor, cuma ia tidak dikenali sebagai Sekolah Wawasan.

Kementerian Pendidikan merancang mewujudkan tujuh Sekolah Wawasan

“ BH - 7 NOV 2000

Dia tak payah terimalah kalau dia tak mahu terima, tapi yang lain yang terima kita buat dulu. Kalau dua sekolah saja yang terima, kita buat juga

”

- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulas bantahan terhadap Sekolah Wawasan

baru sebagai projek perintis, tidak lama lagi.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata bantahan itu jelas menunjukkan bahawa Dong Jiao Zhong tidak pernah menerima apa-apa perkara mengenai pendidikan di Malaysia.

"Apa yang mereka mahu ialah pendidikan seperti di China. Segala-galanya mesti bercorak kecinnaan sepenuhnya.

"Dia tak payah terimalah kalau dia tak mahu terima, tapi yang lain yang terima kita buat dulu. Kalau dua sekolah saja yang terima, kita buat juga," katanya.

Beliau berkata, rakyat keturunan Cina, Melayu dan India, sudah hidup bersama dan bekerja bersama-sama di negara ini.

"Kalau di China, dengan apa cara pun buatlah," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia adalah sahabat baik China dan tidak mempunyai apa-apa bantahan

kepada sistem mereka.

"Tetapi sistem mereka adalah untuk negara mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, sistem Sekolah Wawasan bertujuan mewujudkan integrasi kaum dan menyatukan semua rakyat dari peringkat mereka masih muda lagi.

Sebelum ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, memberi jaminan bahawa pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan tidak akan mengubah struktur dasar terhadap mana-mana aliran sekolah yang sedang beroperasi.

Abdullah dilaporkan berkata, kerajaan tetap mempertahankan identiti sekolah dalam semua aliran, iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina serta Tamil dengan masing-masing akan mempunyai nama, bangunan, pentadbiran guru dan kemudahan pembelajaran tersendiri.